



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN
TUN FUAD STEPHENS
“LEGASI HUGUAN SIOU MEMBINA NEGARA
BANGSA”**

**15 JUN 2026 (ISNIN)
10.00 PAGI**

**LE MERIDIEN KOTA KINABALU,
SABAH**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan

SALUTASI

(Salutasi terkini disediakan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kerana kita dapat bersama-sama hadir dalam **Program Mengenang Negarawan Tun Fuad Stephens “Legasi Huguan Siou Membina Negara Bangsa”** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia.
2. Hari ini kita berkumpul dalam suasana penuh penghormatan untuk **mengenang jasa serta sumbangan seorang negarawan ulung yang telah banyak menabur bakti kepada negeri Sabah khususnya dan Malaysia amnya, iaitu Tun Mohd Fuad Stephens.**
3. Program Mengenang Negarawan yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara merupakan satu inisiatif penting dalam memelihara memori sejarah negara serta menghargai jasa tokoh-tokoh yang telah mencorakkan perjalanan negara bangsa.

TUN FUAD STEPHENS: LEGASI HUGUAN SIOU MEMBINA NEGARA BANGSA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Tun Fuad Stephens atau nama asalnya **Donald Aloysius Marmaduke Stephens** merupakan seorang tokoh besar yang tidak terhitung jasanya dalam pembangunan negeri Sabah dan pembentukan Malaysia. Beliau dikenali sebagai **arkitek utama kemerdekaan Sabah serta tokoh penting dalam proses pembentukan Malaysia pada tahun 1963**. Sumbangan beliau bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan negeri, malah turut memberi kesan besar kepada **penyatuan wilayah-wilayah yang membentuk sebuah negara bangsa Malaysia yang berdaulat**.
5. Sebagai Ketua Menteri Sabah yang pertama, beliau memainkan peranan penting dalam rundingan pembentukan Malaysia, khususnya dalam memastikan hak dan kepentingan Sabah terpelihara melalui **Perjanjian Malaysia 1963** dan tuntutan **20 Perkara Sabah**. Pendekatan beliau ini memperlihatkan kebijaksanaan dalam mengimbangi aspirasi penyatuan dengan keperluan autonomi negeri, sekali gus meletakkan asas kepada pembinaan negara bangsa yang berlandaskan persefahaman, keadilan dan saling menghormati antara wilayah.

6. Dalam usaha memperkukuh identiti Sabah, **Tun Fuad Stephens telah memperkenalkan nama “Sabah” menggantikan “Borneo Utara”**, satu langkah penting yang membentuk identiti politik dan jati diri negeri tersebut dalam Malaysia. Beliau turut memperjuangkan pengiktirafan **Pesta Kaamatan sebagai perayaan rasmi**, selain memberi perhatian terhadap pembangunan budaya dan pendidikan, termasuk usaha memperkukuh bahasa dan warisan masyarakat Kadazandusun.

7. Beliau juga merupakan pengasas **Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)** pada tahun 1961, sebuah wadah politik yang bertujuan menyatukan serta memperjuangkan nasib masyarakat Kadazandusun. Melalui platform ini, beliau membuka ruang suara kepada rakyat tempatan termasuk melalui **penerbitan akhbar *North Borneo News and Sabah Times***, yang menjadi medium penting dalam menyampaikan aspirasi rakyat sebelum pembentukan **Malaysia**.

8. Sebagai seorang **“Huguan Siou” atau Pemimpin Agung**, Tun Fuad Stephens bukan sahaja dihormati oleh masyarakat Kadazandusun, malah **menjadi jambatan perpaduan yang menyatukan pelbagai kaum di Sabah serta menghubungkan Sabah dengan Semenanjung dan Sarawak**. Gelaran ini melambangkan kepercayaan tinggi

masyarakat terhadap kepimpinan beliau yang berteraskan integriti, keberanian dan keikhlasan dalam membina keharmonian tanpa mengira latar kaum, budaya mahupun agama.

9. Beliau juga merupakan tokoh yang sentiasa menekankan bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi satu amanah yang perlu diusahakan secara berterusan. Baginya, **pembinaan masyarakat harmoni hanya dapat dicapai melalui persefahaman, penerimaan dan rasa hormat dalam kalangan semua kaum.** Nilai inilah yang menjadi asas penting kepada pembentukan negara bangsa Malaysia yang bersatu dalam kepelbagaian.
10. Pengorbanan terbesar beliau dalam mengutamakan perpaduan dapat dilihat apabila beliau sanggup membubarkan **Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)** pada tahun 1967 dan bergabung dengan **Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO).** Tindakan ini membuktikan bahawa beliau meletakkan kepentingan penyatuan rakyat dan kestabilan negara mengatasi kepentingan politik peribadi atau kelompok.
11. Keseluruhannya, **perjuangan Tun Fuad Stephens dalam pembentukan Malaysia, pembangunan Sabah dan penyatuan rakyat pelbagai kaum telah menjadi asas**

penting kepada proses pembinaan negara bangsa. Sumbangan beliau kekal sebagai legasi yang menegaskan bahawa kekuatan sebuah negara lahir daripada perpaduan, saling menghormati dan kesediaan untuk bersatu demi masa depan bersama.

BERSAMA MEMBINA NEGARA BANGSA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

12. Negara bangsa ialah satu konsep pembentukan negara yang menyatukan rakyat daripada pelbagai kaum, agama dan budaya di bawah satu perkongsian identiti kebangsaan yang sama, berpaksikan kepada Perlembagaan, Rukun Negara serta nilai bersama yang dikongsi. Ia bukan sekadar kewujudan sebuah negara secara fizikal, tetapi melibatkan pembinaan jati diri nasional yang kukuh, di mana rakyat berasa memiliki negara ini dan berkongsi tanggungjawab untuk mempertahankannya.

13. Fokus Kementerian kepada agenda negara bangsa bukanlah sesuatu yang baharu atau terpisah daripada sejarah, sebaliknya merupakan kesinambungan kepada usaha para pemimpin terdahulu yang telah meletakkan asas perpaduan sejak pembentukan Malaysia. Tokoh-tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Fuad Stephens dan pemimpin lain telah pun memulakan proses ini melalui

usaha penyatuan wilayah, rundingan pembentukan Malaysia serta pengukuhan kerjasama antara kaum dan negeri. Justeru, usaha hari ini adalah untuk memperkukuh dan menyesuaikan agenda tersebut dengan cabaran semasa.

14. Antara ciri utama negara bangsa termasuklah wujudnya **identiti kebangsaan yang jelas, kesetiaan kepada negara, perpaduan rakyat yang utuh, sistem pemerintahan yang stabil, serta perkongsian nilai seperti hormat-menghormati dan keadilan sosial**. Dalam konteks semasa, keperluan terhadap negara bangsa menjadi semakin penting berikutan cabaran globalisasi, perbezaan pandangan politik, pengaruh media sosial serta kepelbagaian budaya yang perlu diurus secara bijaksana agar tidak menjejaskan perpaduan nasional.

15. **Pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang panjang, berterusan dan memerlukan komitmen semua pihak tanpa pengecualian**. Ia tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, tetapi turut melibatkan peranan pemimpin, institusi pendidikan, masyarakat sivil, sektor swasta dan setiap individu rakyat. **Matlamat akhirnya adalah untuk mencapai sebuah negara yang benar-benar bersatu padu, stabil dan harmoni, di mana perpaduan menjadi kekuatan utama dalam memastikan kemajuan**

dan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Marilah kita bersama-sama menghayati dan meneruskan legasi Huguan Siou dalam kehidupan kita. Semoga semangat perjuangan Tun Fuad Stephens terus hidup dalam jiwa setiap rakyat Malaysia, memandu kita ke arah sebuah negara bangsa yang lebih bersatu, aman dan makmur.

17. Saya juga menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk **melawat Memorial Negarawan yang terletak di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur** yang menempatkan koleksi dan bahan pameran berkaitan Tun Fuad Stehens untuk mengambil iktibar dan menghayati nilai kepimpinan, ketokohan dan kewibawaan wira negara kita ini.

Dengan kata-kata tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN TUN FUAD STEPHENS “LEGASI HUGUAN SIOU MEMBINA NEGARA BANGSA”**.

Sekian, terima kasih.